

Landasan promosi produk pelancongan

Bakti Siswa Perdana dan Pesta Bubuk di Kg Binsulok, Membakut

Oleh ABD NADDIN HJ SHAIDDIN

UB 20.3.2017 A4

MEMBAKUT: Bakti Siswa Perdana dan Pesta Bubuk anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kampung Binsulok, di sini, mampu menjadi landasan untuk mempromosikan kepelbagaian produk pelancongan berasaskan pengeluaran makanan yang diusahakan penduduk kampung berkenaan.

Sehubungan itu, Pegawai Kemajuan Masyarakat Membakut Haji Latif Osman mencadangkan agar program seperti itu diperluas menerusi pembangunan potensi pelancongan di peringkat kampung bersama institusi pengajian tinggi seperti UMS.

“Kehadiran pelajar tempatan dan antarabangsa ke kampung ini sedikit sebanyak membantu mempromosikan pelbagai produk makanan tradisional

“Kehadiran pelajar tempatan dan antarabangsa ke kampung ini sedikit sebanyak membantu mempromosikan pelbagai produk makanan tradisional seperti bubuk dan belacan yang sememangnya sinonim dengan Kampung Binsulok.”

HAJI LATIF OSMAN

Pegawai Kemajuan Masyarakat Membakut

seperti bubuk dan belacan yang sememangnya sinonim dengan Kampung Binsulok,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis itu mewakili Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Haji Mohd Ariffin Arif yang juga Adun Membakut di kampung berkenaan.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis itu, Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata program itu juga bertujuan memberi ruang dan peluang kepada mahasiswa UMS menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat setempat di samping memupuk nilai-nilai kesukarelawan dalam kalangan

mereka.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Profesor Madya Dr Ismail Ali.

Lebih 250 siswa-siswi UMS termasuk 30 pelajar antarabangsa turut terlibat dalam program selama tiga hari itu.

Beberapa pengisian program turut menyerikan majlis berkenaan, antaranya demonstrasi pembuatan makanan berasaskan bubuk, pameran pengusaha produk makanan tradisional, pameran agensi kerajaan negeri dan persekutuan, dan pertandingan lumba perahu.

Seramai 40 pelajar UMS juga berkampung bersama 20 keluarga angkat di Kampung Binsulok dan Kampung Likas, Membakut.



ISMAIL mengikuti proses membuat belacan.